



Ruj. Kami : JPNWPKL.600-3/5/12 Jld.3(68)  
Tarikh : 27 Ogos 2021

**Pengetua/Guru Besar  
Sekolah-sekolah  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

YBhg. Datin/Tuan/Puan,

**HEBAHAN *COMPETITION OF VIRTUAL DANCE X LIMITLESS TALENT 2021* (CoVIDanceXLT2021) ANJURAN BERSAMA PERSATUAN TARIAN ANTARABANGSA MALAYSIA (MIDO) DAN ANAK SENI PRODUCTION (ASP) TAHUN 2021**

Dengan sukacitanya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran ini dan pihak KPM sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kesenian di negara ini. Walaubagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan ***Novel Coronavirus (COVID-19)*** yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam norma baharu ini.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak sekolah adalah dimohon untuk menyebarkan maklumat berkaitan program ini kepada guru dan murid di bawah seliaan YBhg. Datin/tuan/puan tentang pelaksanaan ***Competition Of Virtual Dance X Limitless Talent 2021 (CoVIDanceXLT2021) anjuran bersama Persatuan Tarian Antarabangsa Malaysia (MIDO) dan Anak Seni Production (ASP) Tahun 2021*** yang akan dilaksanakan pada **24 Ogos hingga 26 September 2021** (Rujuk Lampiran)

4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Datin / tuan / puan boleh menghubungi **Encik Amandus Paul Paman** di talian **0147187679** dan **Puan Nanda T. Mohd Nasib, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid** di talian **03-62046098** atau melalui emel **nanda.nasib@moe.gov.my**.

JPNWPKL.600-3/5/12 Jld.3(68)

Kerjasama dan sokongan penuh daripada pihak tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD NAJIB BIN AB. RAHMAN, KMW)**

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

s.k. Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Bangsar/Pudu / PPD Sentul / PPD Keramat

NTMN/VirtualDanceX/MyDoc

**KERTAS KERJA PERTANDINGAN TARIAN VIRTUAL**  
**COMPETITION OF VIRTUAL DANCE X LIMITLESS TALENT 2021**

**(CoViDanceXLT2021)**

**24/8/2021 – 26/9/2021**

**Anjuran bersama**



**Dengan Tajaan**



**Dengan sokongan**

**Kementerian Pelajaran Malaysia**  
**CENDANA Malaysia**  
**Fakulti Filem, Teater dan Animasi, UiTM**

**RASIONAL:**

- i. Satu keperluan ke arah memartabatkan seni persembahan terutamanya tarian tradisi dan etnik Malaysia yang diwartakan dalam akta seni warisan negara membangunkan dan meningkatkan mutu pendidikan Tarian Tradisi dan Etnik Malaysia
- ii. Satu keperluan ke arah mengiktirafkan orang-orang kurang upaya seperti yang diwartakan dalam AKTA ORANG KURANG UPAYA 2008 Malaysia

**Disediakan oleh:**

**Persatuan Tarian Antarabangsa Malaysia**  
**(Malaysia International Dance Organisation) (MIDO)**

**&**

**Anak Seni Production (ASP)**

## **1.0 PERSATUAN TARIAN ANTARABANGSA MALAYSIA (MALAYSIA INTERNATIONAL DANCE ORGANISATION – MIDO) & ANAK SENIPRODUCTION (ASP)**

### **1.1 Pendahuluan**

Persatuan Tarian Malaysia “**Malaysia International Dance Organisaton**” (**MIDO**) ialah satu badan bukan kerajaan (NGO) yang telah ditubuhkan pada November 2018 dan ianya adalah wakil rasmi persatuan antarabangsa “**INTERNATIONAL DANCE ORGANISATION**” (**IDO**). MIDO dengan objektif utama untuk memupuk minat di dalam seni tari melalui disiplin dan pembangunan jati diri serta bertujuan untuk mempertingkatkan seni tari dan seni persembahan ke tahap dunia.

International Dance Organisation (IDO) telah ditubuhkan lebih 30 tahun yang lalu di negara Eropah yang mempunyai ahli dari lebih 90 negara di seluruh dunia yang telah berjaya menganjurkan beratus pertandingan bertaraf antarabangsa/dunia dalam pelbagai genre tarian seperti, Ballet, Tap, Moden, Folklore, Showdance, Jazz/ Lyrical, Hiphop & Street Dance dan banyak lagi.

MIDO juga menyedari bakat dari golongan kurang upaya dan anak-anak yang kurang berkemampuan dan upaya di dalam seni persembahan. Justeru itu, MIDO akan terus bekerjasama dengan badan bukan kerajaan yang aktif membantu golongan kurang upaya seperti OKU Sentral dalam membantu aktivitis seni yang kekurangan upaya seperti pengguna kerusi roda, pekak/bisu, anak-anak Dyslexia, Autisma dan Learning disorder (LD). Dalam usaha membantu mengasah bakat dari golongan ini, MIDO akan sentiasa mewujudkan penglibatan golongan ini tidak kira di Malaysia mahupun ke pentas antarabangsa.

**Anak Seni Production (ASP)** sudah mencipta nama di industri seni persembahan antarabangsa selama hampir 7 tahun. ASP yang terbentuk pada tahun 2013 ini juga merupakan badan bukan kerajaan yang bekerja keras untuk

mengekalkan budaya, tradisi dan warisan seni di Malaysia. Kumpulan yang sering terlibat dengan festival antarabangsa ini amat menitik beratkan ilmu pendidikan di kalangan pengiat seni persembahan di Malaysia termasuk menganjurkan program-program seni dan budaya secara atas talian termasuk bengkel, dialog, dan simposium. Oleh kerana itu, ASP telah menjadi platform untuk generasi muda pada masa kini untuk menuntut ilmu tidak kira secara teori mahupun praktikal.

Dengan kerjasama antara ASP dan juga MIDO diharapkan mampu untuk mewujudkan sinergi dalam mengembangkan industri seni persembahan terutama sekali seni tari. Ia telah berpandukan kepada pengalaman yang di miliki oleh ASP dan MIDO tidak kira dari dalam negara mahupun antarabangsa.

## **1.2 Ahli Jawatankuasa**

### **1.2.1 Persatuan Tarian Antarabangsa Malaysia (MIDO)**

Penasihat	: Dato' Freida Pilus
Presiden	: Pn. Emilia Rosemera Uzir
Naib Presiden	: Pn. Chong Kok Ying (Karen)
Pengarah Artistik	: En. Amandus Paul Panan
Bendahari	: Pn. Suhaireen Suhaiza
Setiausaha	: Pn. Atiqah Shahabudin
Penolong Setiausaha	: Pn. Shireen Auzi
Ahli Jawatan Kuasa	: Datin Nurulhayati Annual : Cik Nurulakmar Annual : Encik Ramlan Ramli
Juruaudit	: Pn. Intan Kartini

### **1.2.2 Anak Seni Production (ASP)**

Presiden & Pengarah Artistik	: En. Amandus Paul Panan
Pengurus Kewangan	: Cik Jessy Angat
Pengurus Undang-Undang	: En. Jubianus Julius
Pengurus Pembangunan	: En. Farizzul Izzan
Eksekutif Pentadbiran	: Cik Nor Amylia Syazwanie
Eksekutif Operasi	: En. Muhammad Haziq

### 1.3 Matlamat

Matlamat utama program ini adalah untuk melahirkan generasi muda sebagai pelapis warisan seni persembahan tradisi Malaysia yang menjadi kebanggaan bangsa dan Negara. Pada ketika ini, terdapat beberapa organisasi di Malaysia yang sedang memperjuangkan seni persembahan. MIDO merupakan salah satu organisasi yang berada di bawah naungan organisasi besar dunia iaitu IDO yang ditubuhkan khas untuk seni tarian di Eropah sejak 30 tahun yang lalu. Melalui organisasi ini, ianya telah menghubungkan 90 negara di bawah keluarga besar IDO yang semuanya mempunyai matlamat yang serupa iaitu membangunkan seni persembahan di Malaysia.

MIDO & ASP juga berhasrat untuk membawa tahap seni persembahan di negara ini ke peringkat yang lebih tinggi dan setaraf dengan seni persembahan antarabangsa dengan mengadakan pelbagai jenis program mengasah bakat serta pertandingan-pertandingan yang mendapat pengiktirafan di Malaysia agar pewaris seni persembahan di Malaysia mendapat peluang untuk menjadi yang terbaik di dunia. Dengan ini, penggiat-penggiat seni akan berpeluang untuk mempelajari budaya dalam negara sebelum berpeluang keluar Negara serta mempromosi Malaysia.

Selain itu, MIDO & ASP juga berhasrat untuk membangunkan seni persembahan *PARA DANCE* di Malaysia untuk golongan kurang upaya. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan ini yang mempunyai minat dan potensi di dalam bidang ini dan juga sebagai *platform* untuk menghubungkan antara golongan yang berupaya dan kelainan upaya.

### 1.4 Rasional Sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pertandingan ini akan dianjurkan berlandaskan objektif untuk menggalakkan penglibatan pelajar terutama sekali dalam seni persembahan tari untuk menambah pengalaman dan juga mengembangkan bakat mereka. Selain itu, dengan sokongan dan pengiktirafan yang diberikan oleh KPM akan menarik lebih banyak penyertaan dalam memilih wakil Malaysia ke peringkat antarabangsa

kelak. Oleh yang demikian, MIDO dan ASP amat mengalu-alukan sokongan dari pihak KPM.

## 2.0 Competition of Virtual Dance X Limitless Talent 2021

<b>PROGRAM</b>	<b>Competition of Virtual Dance X Limitless Talent 2021</b>
<b>KONSEP</b>	<b>Pertandingan Tarian Atas Talian</b>
<b>PENASIHAT &amp; PENGARAH ARTISTIK</b>	<b>Pn Emilia Uzir En Amandus Paul Panan</b>
<b>TARIKH</b>	<b>24 Ogos – 26 Sept 2021</b>
<b>PLATFORM</b>	<b><i>YouTube ASP dan Facebook MIDO</i></b>
<b>ANJURAN</b>	<b>Anjuran bersama: Malaysian International Dance Organization (MIDO) dan Anak Seni Production (ASP) Tajaan: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Disokong oleh: Kementerian Pendidikan Malaysia CENDANA Malaysia Fakulti Filem, Teater dan Animasi, UiTM</b>

## **2.1 PENGENALAN**

*Competition of Virtual Dance X Limitless Talent 2021* (CoViDanceXLT21) merupakan satu pertandingan tarian secara atas talian. CoViDanceXLT21 adalah satu pertandingan kompetitif bertaraf Antarabangsa yang mengangkat seni tari dari seluruh negara yang terbuka kepada semua kumpulan seni yang berada di Malaysia mengikut kategori yang digariskan. CoViDanceXLT21 terbuka kepada umum termasuklah pelajar sekolah dan Orang Kelainan Upaya (OKU) dari seluruh Malaysia. Penyertaan peserta bermula daripada 24 Ogos sehingga 26 September 2021. Manakala, pertandingan ini akan berlangsung di platform Youtube pada 24 Sept sehingga 26 Sept 2021. Disasarkan seramai lebih dari 100 orang yang akan menyertai pertandingan ini yang melibatkan penari profesional, amatir, pelajar sekolah dan juga golongan kelainan upaya dari seluruh Malaysia.

## **2.2 TUJUAN**

Kertas kerja ini bertujuan bagi mendapatkan kelulusan untuk menjalankan program "CoViDanceXLT21" bagi menyemarakkan semangat bersaing secara sihat di antara penari dalam meneruskan minat untuk mengembangkan seni tari sepanjang pandemik Covid-19 ini berlaku. Selain itu, kertas kerja ini juga bertujuan untuk memaklumkan mengenai "CoViDanceXLT21" yang memerlukan pengiktirafan untuk mengadakan program ini dengan penglibatan daripada pelajar sekolah. Di samping itu, kertas kerja ini juga bertujuan untuk mendapatkan sokongan dari pihak kerajaan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Fakulti Filem Teater dan Animasi, UITM.

## **2.3 OBJEKTIF**

- 1) Menggalakkan pelajar terutama pelajar sekolah untuk menambah pengalaman dan juga mengembangkan bakat mereka.
- 2) Mewujudkan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan meneruskan kreativiti dalam bidang tarian dan bakat dalam keadaan pandemik yang melanda.
- 3) Memberi ruang kepada umum terutama sekali kepada penggiat seni tari yang ingin menyerlahkan daya kreativiti dan inovatif dalam mengembangkan diri mereka serta mewujudkan persaingan secara



sihat di dalam industri seni persembahan.

- 4) Mewujudkan hubungan silaturahim di antara penari dari seluruh Malaysia.
- 5) Memberi peluang kepada OKU untuk menyerlahkan bakat mereka samada dalam bentuk tarian, nyanyian mahupun muzik.
- 6) Mempromosikan Malaysia ke seluruh dunia melalui tarian dengan penglibatan peserta dari seluruh dunia.
- 7) Mengumpul dana bagi membantu golongan terjejas sepanjang pandemik Covid-19.

#### **2.4 TEMA**

Tema yang dipilih bagi CoViDanceXLT21 adalah terbuka dan berbentuk seni persembahan tarian (kecuali kategori limitless yang akan terbuka kepada tarian, nyanyian dan ppermainan muzik). Kesemua peserta seharusnya menunjuk daya kreativiti dalam mengolah tarian secara bebas tetapi hendaklah bersesuaian dengan keadaan norma baru dalam pandemik/pasca-pandemik Covid-19. Antara tarian yang dibenarkan Modern & Contemporary Dance, Jazz Dance / Lyrical, Tap Dance, Bollywood, Character / Ethnic / Folk dan Ballet. Manakala bagi kategori limitless ada terbuka kepada semua jenis tarian, nyanyian dan permainan alat muzik.

## 2.5 MAKLUMAT PROGRAM

### 2.5.1 TARIKH, MASA & TEMPAT

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
Penghantaran Video Penyertaan	24 Ogos sehingga 12 September 2021	Sebelum 11:59 malam (12 September 2021)	Google Form
Pemilihan, pembayaran yuran kepada peserta yang terpilih dan	13 September - 20 September 2021	-TBC-	Online
Pengadilan akhir	21 & 22 September	-TBC-	Online
Persembahan & Malam Gala (keputusan)	25 & 26 September 2021	08:30 malam hingga 10:30 malam	Youtube

## 2.5.2 PENYERTAAN

Kategori	Peserta	Durasi	Syarat Penyertaan
<b>Sekolah Rendah</b>	Solo/Duo	2 minit 30 saat & kurang bagi tarian <b>solo</b> dan <b>duo</b> .	<p>1) Terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia.</p> <p>2) Tema bebas namun digalakkan untuk menggunakan tema Covid-19 mengikut Genre tarian masing-masing.</p> <p>3) Semua jenis kostum &amp; muzik dibenarkan. (Tidak menyentuh sensitiviti perkauman, politik atau sensitiviti yang boleh menimbulkan kegelisahan atau perasaan kurang senang kepada penonton)</p> <p>4) Video penyertaan di dalam format (MP4 atau MOV - minima 720p &amp; maksima 1080p) melalui dropbox. Size tidak melebihi 200MB</p>
<b>Sekolah Menengah</b>			
<b>Terbuka</b> (17 Tahun & keatas IPTA/S (termasuk penari professional)		2 hingga 4 minit bagi	
<b>Limitless Talent</b>	Solo (Tarian/Nyanyian/ Muzik)	<b>Limitless Talent</b>	

## 2.6 ANJURAN, TAJAAN DAN SOKONGAN

Anjuran MIDO dan ASP, tajaan JKKN dan disokong oleh KPM, CENDANA Malaysia dan FiTA, UiTM

## 2.7 TENTATIF PROGRAM

TARIKH	MASA	AKTIVITI/ PERKARA
24 Ogos 2021	-	Pendaftaran & penghantaran video peserta
12 Sept 2021	11.59 Malam	Tarikh akhir penghantaran video Peserta
13-20 Sept 2021	-TBC-	Pemilihan to 10 untuk setiap kategori dan Pembayaran yuran kepada yang terpilih kecuali peserta limitless.
21 & 22	-TBC-	Pengadilan
25 Sept 2021	8.30 p.m – 10.30 p.m	Malam tayangan video peserta
26 Sept 2021	8.30 p.m – 10.30 p.m	Malam Gala dan keputusan

## 2.8 PUBLISITI

### 2.8.1 MEDIA SOSIAL

- ❖ Instagram & Facebook MIDO
- ❖ Instagram & Facebook Anak Seni Production.
- ❖ Instagram & Facebook Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ❖ Instagram & Facebook Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- ❖ Laman Web Rasmi Fakulti Filem, Teater dan Animasi.
- ❖ Instagram CENDANA Malaysia

### 2.8.2 MEDIA MASSA

- ❖ Televisyen
- ❖ Radio

- ❖ Surat Khabar

## **2.9 SASARAN PENONTON**

- ❖ Aktivitis Seni Tari
- ❖ Pelajar Tari / Teater
- ❖ Pelajar Sekolah Rendah / Menengah
- ❖ Orang Kurang Upaya
- ❖ Orang Awam

## 2.10 JAWATANKUASA PELAKSANA

No.	Nama	Posisi / Tugas
1.	Puan Emilia Uzir (MIDO)	Penasihat
2.	Encik Amandus Paul Panan (ASP)	Pengarah Artistik
3.	Nor Amylia Syazwanie Binti Hamdani	Pengurus Acara
4.	Muhammad Haziq bin Hasan	Penoiong Pengurus Acara
5.	TBC	Setiausaha
6.	TBC	Publisiti / Pemasaran
5.	TBC	Grafik
6.	TBC	Teknikal
7.	TBC	Tugas Khas

No.	Cadangan Pengadil	Tugas
1.	Linda Jasmine	Juri
2.	Zamzuriah Zahari	
3.	Suhaimi Magi	

## 2.11 IMPLIKASI KEWANGAN

### ❖ Yuran Pendaftaran

- RM 30.00 (solo/duo) (terbuka, sekolah rendah dan menengah)
- Percuma (limitless talent)

❖ **Hadiah kemenangan bagi Top 3 bagi setiap kategori seperti berikut**

**Kategori IPTA/S & Terbuka**

Tempat Pertama	Sijil dan RM600.00
Tempat Kedua	Sijil dan RM500.00
Tempat Ketiga	Sijil dan RM400.00
Tempat Keempat	Sijil & RM150
Tempat Kelima	Sijil & RM100

**Kategori Sekolah Rendah**

Tempat Pertama	Sijil dan RM600.00
Tempat Kedua	Sijil dan RM500.00
Tempat Ketiga	Sijil dan RM400.00
Tempat Keempat	Sijil & RM150
Tempat Kelima	Sijil & RM100

**Kategori Sekolah Menengah**

Tempat Pertama	Sijil dan RM600.00
Tempat Kedua	Sijil dan RM500.00
Tempat Ketiga	Sijil dan RM400.00
Tempat Keempat	Sijil & RM150.00
Tempat Kelima	Sijil & RM100

**Kategori Limitless Talent**

Tempat Pertama	Sijil dan RM600.00
Tempat Kedua	Sijil dan RM500.00
Tempat Ketiga	Sijil dan RM400.00
Tempat Keempat – kesepuluh	Sijil dan RM100 x 7

## 2.14 PENUTUP

Diharapkan CoViDanceXLT21 (*Competition of Virtual Dance X Limitless Talent 2021*) yang dijalankan oleh Malaysia International Dance Organization (MIDO) dan Anak Seni Production (ASP) mendapat tajaan JKKN dan sokongan KPM serta CENDANA Malaysia dan FiTA UiTM. Penganjur juga berharap peserta yang terlibat akan mendapat pengalaman yang bermakna dan akan terus menyokong usaha Negara dalam menyemarakkan industri seni tari. Di samping itu, penganjur berharap agar segala objektif dan tujuan dapat di capai dengan jayanya dalam usaha memartabatkan industri seni tari di Malaysia. Selain itu, penganjur berharap dengan adanya program seperti ini pada ketika pandemik yang sedang melanda ini, aktivis seni persembahan akan terus mampu untuk mengasah dan mengembangkan bakat mereka agar mereka semua mampu untuk bersaing ke peringkat yang lebih tinggi. Penganjur juga ingin memastikan bahawa golongan kelainan upaya juga mampu untuk bersama-sama melibatkan diri di dalam industri seni di Malaysia dan menempa nama ke peringkat kebangsaan seterusnya ke peringkat antarabangsa di masa akan datang.



## 2.15 RINGKASAN EKSEKUTIF

<b>TAJUK PROGRAM:</b>	
Competition of Virtual Dance X Limitless Talent 2021	
<b>JENIS PROJEK</b>	Pertandingan tarian dan bakat (para) secara atas talian
<b>MATLAMAT PROGRAM</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan pelajar terutama sekali pelajar sekolah untuk menambah pengalaman dan juga mengembangkan bakat mereka.</li> <li>• Mewujudkan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan meneruskan kreativiti dalam bidang tarian dan bakat dalam keadaan pandemik yang melanda.</li> <li>• Memberi ruang kepada umum untuk menyerlahkan daya kreativiti dan inovatif dalam mengembangkan diri mereka serta mewujudkan persaingan secara sihat di dalam industri seni persembahan.</li> <li>• Memberi peluang kepada OKU untuk menyerlahkan bakat mereka.</li> <li>• Mewujudkan hubungan silaturahim di kalangan penari dari seluruh dunia.</li> </ul>
<b>ANJURAN</b>	Malaysia International Dance Organisation (MIDO) dan Anak Seni Production (ASP) , tajaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, CENDANA Malaysia dan Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FITA), UiTM.
<b>TARIKH DAN TEMPAT</b>	24 Ogos – 26 Sept 2021 (Youtube)
<b>ANGGARAN KOS</b>	<b>RM11,200.00</b>